

Geran RM1j bantu transformasi global pengangkutan rel

Batu Pahat: Pusat Kebermerlangan Industri-Rel (ICoE-Rel), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerima geran RM1 juta daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi membantu transformasi global pengangkutan rel di Malaysia.

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Datin Paduka Dr Siti Hamisah Tapsir berkata, pihaknya yakin UTHM dan ICoE-Rel dengan kerjasama erat industri pengangkutan rel dalam negara dan antarabangsa akan meletakkan Malaysia sebagai hab pendidikan teknologi tinggi dalam rel yang dinamik menjelang 2025.

Katanya, UTHM dipilih

menjadi universiti peneraju bagi ICoE-Rel kerana mempunyai kepakaran dan pengalaman mengendalikan program Sarjana Sains Kejuruteraan Pengangkutan Rel sejak 2012.

"Universiti akan menganal pasti hasil penyelidikan dan inovasi yang berkualiti serta mempunyai potensi untuk diketengahkan bagi kegunaan industri," katanya ketika menyempurnakan upacara Majlis Perasmian Festival Penyelidikan dan Inovasi (R&I Fest) di sini, semalam.

Cek diserahkan Dr Siti Hamisah kepada Naib Canselor UTHM Profesor Dr Wahid Razzaly.

Sementara itu, Dr Wahid



DR Siti Hamisah menyerahkan replika cek RM1 juta kepada Dr Wahid pada Majlis Perasmian Festival R&I Fest, semalam.

berkata, R&I Fest pada kali ini mengumpul 174 produk untuk dipertandingkan mengikut kategori staf, pelajar serta sekolah dengan penilaian berteraskan tiga

bidang iaitu Penyelidikan Gunaan, Penyelidikan Fundamental dan Penyelidikan Produk Inovatif.

"Penyertaan berkenaan membabitkan 110 staf aka-

demik dan 54 pelajar UTHM selain 10 penyertaan sekolah sekitar Johor yang mewakili produk masing-masing.

"Bilangan penyertaan sumpama ini menunjukkan

R&I Fest 2017 adalah satu platform yang sangat dipercayai bagi penyelidik mengetengahkan hasil penyelidikan dan inovasi masing-masing," katanya.